



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 10 pagi, 9 Mei 2025

Untuk Terbitan Media
9 Mei 2025

SIARAN MEDIA

BULAN PEMUTIHAN DILANJUTKAN SEHINGGA 31 MEI 2025

ALERT: TAWARAN PENGURANGAN DENDA SEHINGGA 50 PERATUS

KUALA LUMPUR - Tempoh pendaftaran dan mencarumkan pekerja oleh majikan dengan pengecualian kompaun, pendakwaan dan Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB) sempena Bulan Pemutihan dilanjutkan sehingga 31 Mei ini.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong mengumumkan pelanjutan ini susulan sambutan menggalakkan daripada majikan serta peningkatan ketara untuk jumlah pendaftaran dan caruman sepanjang pelaksanaan Bulan Pemutihan.

“Sejak pelancaran Bulan Pemutihan tahun ini, **peningkatan sebanyak 40 peratus dalam pendaftaran majikan direkodkan berbanding tempoh sama tahun lalu.**

“Sebanyak **8,234 majikan dan 61,746 pekerja baharu berdaftar, termasuk 46,094 pekerja tempatan dan 15,652 pekerja asing, dengan 913 notis FCLB bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) melibatkan 433 majikan baharu berjumlah RM226,980 telah dikecualikan** dalam tempoh ini.

“Selain itu, bagi **majikan baharu berdaftar, yang dikenakan FCLB dan tindakan kompaun dikecualikan sepenuhnya,**” jelas Steven Sim.

Dalam sidang media tersebut, Steven Sim turut mengumumkan penawaran pengurangan sehingga 50 peratus bagi FCLB ke atas majikan sedia ada kecuali yang mempunyai kes tuntutan faedah dan pendakwaan serta Notis Kompaun termasuk kesalahan gagal daftar perusahaan / pekerja dan gagal / lewat melapor kemalangan menerusi agensi dibawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) iaitu Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

“Tawaran pengurangan sebanyak 50 peratus ini melibatkan 215,172 majikan yang terlibat dengan tunggakan FCLB Akta 4 dan Akta 800 sebanyak RM100 juta dengan 198 majikan yang masih mempunyai tunggakan bayaran kompaun di bawah kedua-dua Akta sebanyak RM990,000.00.

“Majikan diseru untuk menyelesaikan FCLB dan Notis Kompaun dalam tempoh tawaran berkenaan dan kegagalan mengambil peluang ini akan mengakibatkan tindakan pendakwaan diambil selepas tempoh tawaran pembayaran khas ini berakhir,” tegas Steven lagi.

Steven Sim memaklumkan, inisiatif pelanjutan tempoh pemutihan ini mengambil kira perayaan Aidilfitri dan cuti Hari Pekerja yang baru berlalu, sekali gus memberi peluang kedua kepada majikan untuk tampil mendaftar secara sukarela.

“Pelanjutan tempoh ini adalah mesej kepada majikan yang belum melaksanakan tanggungjawab mendaftar pekerja mereka untuk **SEGERA** merebut peluang bagi **MENGELAKKAN** kompaun dikenakan seterusnya berdepan tindakan pendakwaan dan FCLB selepas tempoh ini tamat.

“Majikan yang gagal berbuat demikian boleh dikenakan tindakan kompaun sehingga RM5,000.00 mengikut kesalahan yang dilakukan dan FCLB juga akan dikenakan ekoran kegagalan membayar caruman dalam tempoh yang ditetapkan, serta boleh didakwa di mahkamah dan jika disabit kesalahan, boleh dijatuhi hukuman denda sehingga RM10,000.00 atau penjara sehingga dua tahun atau kedua-duanya sekali,” ujarinya lagi.

##TAMAT##

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘no one left behind’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 294 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

9 Mei 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Iklil Fatihah

+60193273193

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my